

PENUTUPAN BULAN KEMERDEKAAN

Disediakan oleh: Noorezal Atfyinna Mohd Napiah

Pada 29 Ogos 2019 telah diadakan Program Keceriaan Kampus yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini dijalankan sempena sambutan bulan kemerdekaan peringkat UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya ialah pertandingan deko kemerdekaan. Berbekalkan semangat kemerdekaan, Jabatan Sains Gunaan (JSG) telah menyertai pertandingan tersebut bersama dengan Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) dan Pra Pendidikan Tinggi (PPT). Tema dekorasi adalah berunsurkan kemerdekaan dengan menggunakan bahan kitar semula. Hasil kreativiti yang ditonjolkan menobatkan JSG, JSKM dan PPT mendapat tempat ketiga bagi peringkat fakulti. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat!.

